

24/02/2003

Malaysia syor tubuh majlis perniagaan

reports on "Persidangan Ketua-ketua Negara atau Kerajaan Pergerakan PETALING JAYA: Malaysia yang mengambil alih kepemimpinan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) hari ini, mencadangkan penubuhan majlis perniagaan bagi kumpulan yang disertai hampir semua negara selatan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi Pengerusi NAM bagi tempoh tiga tahun mulai hari ini, berkata majlis itu secara kolektif boleh memanfaatkan sumber ekonomi di kalangan anggotanya, termasuk dua negara baru yang akan diterima pada akhir sidang kemuncaknya di sini.

Perdana Menteri berkata, langkah penubuhan majlis itu sudah pasti akan meningkatkan lagi perdagangan dan hubungan pelaburan di kalangan negara anggota, kebanyakannya negara membangun.

Berucap merasmikan Forum Perniagaan NAM mengenai Kerjasama Selatan-Selatan di sini semalam, beliau berkata penubuhan majlis itu amat penting terutama dalam keadaan ekonomi sejagat yang sukar kerana ancaman kebimbangan terhadap keganasan.

"Malah, majlis perniagaan ini boleh membantu menggerakkan momentum dalam membina kerjasama ekonomi Selatan-Selatan dan dalam proses ini, memperkayakan beberapa negara miskin dalam lingkungan Dunia Ketiga.

"Dengan membina asas kemajuan atas ekonomi negara Selatan, syarikat swasta di kalangan anggota NAM juga boleh mendedahkan diri mereka kepada peluang perniagaan yang muncul hasil kerjasama ekonomi yang dipertingkatkan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, di sebalik mencapai kemerdekaan dan kebebasan, kebanyakan ekonomi negara selatan terus lemah dan bergantung kepada negara utara dengan kemiskinan menjadi ancaman terbesar kepada negara membangun.

Katanya, kekayaan sesebuah negara bergantung kepada keupayaan dan kepakarannya untuk menterjemahkan sumber kepada produk serta perkhidmatan yang boleh dipasarkan.

Bagaimanapun, sebelum sumber itu ini boleh ditukarkan menjadi kekayaan, beberapa pra-syarat diperlukan dan yang paling penting ialah persekitaran politik yang kondusif.

"Harus diakui persekitaran politik di kebanyakan negara anggota NAM tidak begitu membantu kepada usaha untuk mengeksploitasikan kekayaan sumber yang ada. Ini kerana banyak negara membangun sudah dijangkiti masalah ketidakstabilan politik sejak merdeka.

"Sama ada sesebuah kerajaan itu bersifat autokratik atau demokratik, ia tidak menjadi hal dalam memastikan kestabilan sesebuah negara itu. Semua negara maju sekarang dibangunkan oleh pemerintah autokratik. Hanya baru-baru ini saja, mereka menjadi demokratik," katanya.

Perdana Menteri berkata, demokrasi masih lagi sistem politik yang terbaik ketika ini tetapi kita perlu tahu bagaimana untuk menguruskannya, menggunakannya dalam usaha untuk mempunyai kerajaan yang baik dan politik yang stabil.